

TARIKH : 23 MAC 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26

Tarikh akhir kemas kini PADU tak dilanjutkan

Tarikh akhir kemas kini PADU tak dilanjutkan

DOSM guna data sedia ada bagi individu gagal kemas kini selepas 31 Mac

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan (DOSM) tidak bercadang melanjutkan tempoh pengemaskinian data dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang dijadualkan berakhir pada 31 Mac ini.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata ini kerana suatu tempoh khusus diperlukan DOSM untuk mengemas kini keseluruhan data sebelum pelaksanaan sebarang program bantuan kerajaan, ter-

masuk subsidi bersasar.

Justeru, katanya, penetapan kategori pendapatan bagi individu yang gagal mengemas kini PADU mengikut tempoh ditetapkan, akan dibuat berpandukan data sedia ada daripada sumber yang diintegrasikan.

Beliau berkata, sumber data integrasi itu membabitkan lebih 300 organisasi yang tersenarai dalam pangkalan daftar awam, maklumat Banci Penduduk serta PADU.

"Mana-mana individu dalam kategori T20, M40 dan B40 yang gagal mengemas kini PADU akan kekal dalam pengkelasan sama, walaupun terdapat sebarang perubahan pendapatan yang berlaku dari semasa ke semasa, terutamanya ketika pandemik COVID-19.

"Bagi individu yang gagal mengemas kini PADU dan tidak menerima sebarang sumbangan kerajaan sebelum ini, DOSM akan membuat padanan berpandukan waris atau sejarah transaksi daripada sumber data diintegrasikan.

"Kita akan teliti maklumat pendaftaran persekolahan anak mereka, rekod ibu, bapa atau ahli keluarga lain mahupun rekod pembelian rumah, kenderaan dan sebagainya bagi mengenal pasti kategori pendapatan mereka," katanya kepada *BH*, semalam.

4,752 lokaliti berisiko tercicir

Beliau mengulas risiko 4,752 lokaliti berpenduduk berisiko tercicir mendapatkan sebarang bantuan kerajaan susulan tidak memiliki rekod berkaitan sebelum ini, termasuk PADU.

Semua lokaliti itu dikenal pasti di seluruh Malaysia, yang mana penduduk kawasan berkenaan tidak mempunyai sebarang pendaftaran di bawah PADU atau apa-apa program bantuan kerajaan yang disediakan sebelum ini.

BH sebelum ini melaporkan Selangor dan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah kawasan berpenduduk tertinggi dengan 2,274 lokaliti tidak mempunyai rekod sebarang bantuan kerajaan se-



Orang ramai perlu kemas kini data dalam sistem PADU elak tercicir daripada nikmat faedah atau bantuan kerajaan. (Foto hiasan)

belum ini, termasuk data PADU.

Lokaliti merujuk kepada nama sesuatu tempat tinggal sekumpulan orang tempatan yang mempunyai talian sosial jelas, seperti kampung atau taman perumahan.

Dalam konteks pelaksanaan PADU, pengemaskinian rakyat atau rekod pentadbiran individu divisualisasi sehingga pada peringkat lokaliti seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR), perumahan awam, kondominium, pangsapuri, rumah kos rendah, kuarters, rumah kedai, rumah air/panjang dan rumah sebuah.

Mohd Uzir berkata, individu yang mungkin mengalami keciciran daripada menikmati faedah atau bantuan kerajaan se-

lepas tamat tempoh pengemaskinian PADU, boleh membuat aduan kepada jawatankuasa pelaksana sesuatu program sejoura dilaksanakan kelak.

"Kita kalau boleh mahu meminimumkan jumlah individu yang tercicir daripada menikmati faedah atau bantuan kerajaan dan disebabkan ini jugalah mereka perlu mengemas kini PADU sebelum tempoh akhir 31 Mac ini.

"Namun, jika keadaan ini tetap berlaku, mereka boleh mengemukakan aduan kepada jawatankuasa pelaksana sesuatu program dilaksanakan kerajaan dan dari situ kita akan menilai semula kategori pendapatan mereka," katanya.